

KAWASAN LIPUTAN: Kota Putera • Jertih • Kuala Besut • Hulu Besut • Kg Raja, Gong Kemuntong • Keruak • Pantai Air Tawar • Saujana • Putera Jaya


# Kumpul idea pakar majukan industri pertanian negeri

## KAMPUNG GERAJ

Kerajaan negeri akan mengadakan pertemuan dengan pakar pertanian tempatan dan luar bagi mendapatkan idea terbaik memajukan industri pertanian negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Perusahaan Perladangan dan Komoditi negeri, Nawi Mohamad berkata, beliau akan mengumpulkan pakar terbabit terdiri daripada pensyarah pertanian dari Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan pakar pertanian bagi mendapatkan pandangan mereka.

Menurutnya, pertemuan berbentuk bengkel dan pembentangan kertas kerja itu akan dilakukan dalam masa terdekat bagi mendapatkan input untuk menentukan hala tuju pertanian negeri menjelang 2020.



Nawi (empat, kiri) sewaktu majlis meraikan pelantikan beliau yang juga Pengerusi PPK Gerai sebagai Ahli Majlis Kerajaan Negeri (Exco) oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Gerai.

"Kerajaan negeri akan mendapatkan idea mereka apa yang patut dilakukan bagi memajukan sektor pertanian agar rakyat mendapat faedah dan negeri mampu menjana sumber kekayaan," katanya pada majlis meraikan pelantikan beliau yang juga Pengerusi PPK Gerai sebagai Exco oleh Pertubuhan Peladang Kawasan

(PPK) Gerai.

Hadir sama Adun Jertih, Muhammad Pehimi Yusof, Adun Jabi, Mohd Iskandar Jaafar, Timbalan Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri, Kamaruddin Ngah, Pengarah IADA Ketara, Mohamed Kaberi Ghani dan Pengurus Besar PPK Gerai, Hasmadi Hassan.

## Kem ICT UniSZA model program khidmat komuniti

Utusan Malaysia  
24/5/13 ms 27

KUALA TERENGGANU 27 Mei - Walaupun hanya melibatkan tiga buah negeri di Pantai Timur, Kem Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mencipta kegemilangannya tersendiri apabila diangkat sebagai model program khidmat komuniti ICT.

Pengarah program, Suhailan Saifei berkata, kem yang dilaksanakan sejak 2009 itu telah dijadikan rujukan oleh Majlis Dekan ICT Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia untuk dilaksanakan.

Menurutnya, kem itu juga mendapat sambutan luar jangkaan daripada pihak sekolah di Terengganu, Kelantan dan Pahang malah disifatkan sebagai program komuniti ICT terbesar di peringkat nasional melibatkan pelajar sekolah menengah dan universiti.

"Tahun ini menyaksikan pertambahan peserta melebihi kuota yang ditetapkan dan sebanyak 10 buah sekolah dari Kelantan menyertainya berbanding hanya sebuah dalam kem-kem terdahulu."

"Saya berharap peserta akan menjadi duta kecil bidang ICT di

sekolah masing-masing dan kerjasama semua pihak penting untuk memastikan industri ini dapat dibangun dan dimanfaatkan sepenuhnya," katanya ketika berucap pada majlis perasmian kem tersebut di UniSZA dekat sini semalam.

Program yang diadakan selama dua hari bermula Jumaat lalu telah disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof Dr. Yahya Ibrahim.

Melibatkan tiga buah negeri di Pantai Timur, program itu dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Jabatan Pendidikan negeri, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Dalam pada itu, Yahya berkata, UniSZA akan terus komited dalam menganjurkan acara yang memfokuskan pada usaha penerapan dan pembudayaan ICT itu.

Katanya, kreativiti dan inovasi ICT memainkan peranan penting dalam melancarkan kehidupan seharian meliputi aspek ekonomi, kesihatan, perhubungan dan kerjaya.